KATA BANTU

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **KATA BANTU** yang sesuai.

1. Kami _____ ke Kawasan pelancongan yang indah itu pada cuti sekolah yang akan datang.
   A. akan B. belum C. mesti D. dapat

2. Perbuatan negative mereka terhadap budak itu _____ tidak kami senangi.
   A. memang B. bukan C. benar D. tentu

3. Kita _____ mematihi hukum syarak.
   A. benar B. sudah C. hendak D. mesti

4. Rozana _____sampai lagi di perpustakaan semasa kami tiba di sana tadi.
   A. dapat B. sedang C. belum D. entah

5. Gopal tidak _____ ke mana-mana melainkan ke Kuala Belait bersama-sama dengan keluarganya.
   A. pasti B. pernah C. entah D. agak

6. Mereka _____ menyertai pasukan pengakap sekolah.
   A. akan B. sungguh C. sedang D. tiada

7. Diana _____ masuk ke bilik darjah ini jika dibenarkan oleh Cikgu Salmi.
   A. tiada b. telah C. boleh D. sedang

8. Maniam _____ bangkit lagi daripada tidur walaupun matahari _____ menggalah tinggi.
   A. telah, masih C. sungguh, amat
   B. belum, telah D. betapa, mungkin

9. Kamu boleh makan sekarang kerana kakak _____ menyediakan makanan di meja itu.
   A. telah B. boleh C. dapat D. pasti

10. Kem motivasi itu _____ diadakan pada hari Sabtu yang lepas.
    A. akan B. telah C. masih D. belum

LIVEWORKSHEETS

KATA SENDI NAMA

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ siapakah arahan yang kamu terima ini?" tanya Ajmad kepadanya.
   A. Dari B. Daripada C. Pada D. Kepada

2. "Benarkah kamu membeli beg ini _____ Kuala Lumpur?" tanya Alia.
   A. di B. pada C. ke D. daripada

3. Perjalanan _____ pekan ini _____ kota mengambil masa selama setengah jam sahaja.
   A. daripada, ke
   B. daripada, kepada
   C. dari, ke
   D. dari, pada

4. "Surat yang saya terima ini _____ sahabat saya yang tinggal di Johor. Dia kirim salam _____ kamu," kata Rokiah.
   A. daripada, ke daripada, kepada C. dari, ke D. dari, pada

5. Sumbangan yang kami perolehi _____ hartawan itu akan kami serahkan _____ anak-anak yatim.
   A. oleh, pada
   B. dari, kepada
   C. daripada, ke
   D. daripada, kepada

6. Kami membeli belah di pasar raya itu _____ pukul 3.00 petang sebelum kami pulang _____ pukul 4.30 petang tadi.
   A. pada, pada
   B. daripada, pada
   C. dari, pada
   D. di, pada

7. Adik Munir memang gemar _____ buah langsat tetapi tidak suka _____ buah duku.
   A. oleh, pada B. akan, akan C. pada, kepada D. kepada, oleh

LIVEWORKSHEETS

8. “Beg kulit yang diperbuat _____ kulit burung kasawari ini harganya lebih mahal _____ beg kulit biri-biri itu,” kata kakak.

A. daripada, akan
B. daripada, daripada
C. dari, daripada
D. dari, dari

9. “Masukkan wang ini _____ dalam tabung buluh yang tergantung _____ dinding bilik ibu,” kata Azrul.

A. di, di
B. dari, pada
C. ke, di
D. daripada, di

10. “Semua buku rujukan ini saya pinjam _____ Musa, bukannya saya pinjam _____ Razlan,” kata Daud kepada ayahnya.

A. dari, dari
B. akan, oleh
C. dari, daripada
D. daripada, daripada

LIVEWORKSHEETS